

10 JAN 2002

Jepun-Pegawai/I

M'SIA RAKAN PENTING BAGI JEPUN, KATA PEGAWAI JEPUN

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Seorang pegawai kanan Kementerian Luar Jepun berkata Jepun menaruh harapan untuk menjalin hubungan rapat dengan Malaysia ketika Tokyo mempunyai pemikiran baru mengenai Asia Timur dan ingin memainkan peranan lebih konstruktif di rantau itu.

Norio Hattori berkata memandangkan Malaysia penting dalam Asean, Jepun memerlukan persefahaman dan kerjasama Kuala Lumpur bagi merealisasikan hasratnya itu.

Beliau juga berkata, Malaysia dipimpin oleh perdana menteri yang paling lama menerajui negara yang nasihatnya amat berguna ketika Jepun mengamalkan pemikiran baru berhubung dasarnya terhadap rantau berkenaan.

"(Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) telah menjadi perdana menteri negara ini sejak 20 tahun, dan ini adalah luar biasa. Jadi, adalah perkara biasa bagi perdana menteri Jepun mendapatkan nasihatnya," kata beliau.

Hattori berkata cadangan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi membabitkan penubuhan masyarakat Asia Timur yang akan bertindak dan bergerak maju secara bersama.

"Untuk membolehkan kita mencapai hasrat ini, kita melihat Asean+3 sebagai landasan bagi rangka kerjasama ini dan kita berhasrat untuk memupuk kerjasama seperti itu dalam setiap bidang yang mungkin," kata beliau.

Asean+3 merujuk kepada 10 negara anggota Asia Tenggara -- Brunei, Kemboja, Malaysia, Laos, Myanmar, Thailand, Singapura, Indonesia, Filipina dan Vietnam -- bersama Jepun, China dan Korea Selatan.

Mengenai perkara lain, Hattori berkata hubungan Jepun dengan Malaysia telah berkembang pesat dan hasil daripada Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir kira-kira 20 tahun lalu.

Beliau juga berkata Jepun akan mengkaji permintaan Jepun bagi bantuan berhubung dengan projek bekalan air.

Walaupun beliau tidak menyatakan projek itu tetapi adalah dilaporkan projek bekalan air dari Pahang ke Selangor dan Wilayah Persekutuan akan menggunakan sebahagian daripada pinjaman yang ditawarkan oleh Jepun kepada Malaysia.

-- BERNAMA

MAM WN FAZ